



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 12 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	TINGKAT KELANCARAN PENGHANTARAN PRODUK,XPRESI, METRO AHAD-37 ENAM KEMENTERIAN PERLU LEBIH PROAKTIF, NASIONAL,SH-8,12,14 TINGKAT KELANCARAN PENGHANTARAN PRODUK, HM-ONLINE LEBIH 2,000 NELAYAN TANPA DOKUMEN, BH-ONLINE CARI JALAN ATASI MASALAH NELAYAN TANPA NEGARA, HM-ONLINE MAFI PANTAU AKTIVITI 'PETANI IMPORT', PERLU DIHENTIKAN, HM-ONLINE HARGA AYAM, SAYUR, STABIL BULAN DEPAN, LOKAL, HM-5 HARGA BARANG KEPERLUAN DIJANGKA STABIL FEBRUARI, NASIONAL, BH AHAD-7 KPDNHEP JANGKA HARGA BARANG STABIL JANUARI, FEBRUARI, NASIONAL,SH-11 HARGA AYAM SAYUR STABIL BULAN DEPAN, SEMASA, KOSMO AHAD-7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
11. 12.	BANTUAN KERAJAAN PULIH PERNIAGAAN, NASIONAL, SH-7 KERAJAAN KOMITED TANGANI KENAIKAN HARGA BARANG-NANTA, NEWS, UTUSAN BORNEO SARAWAK-11	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Tingkat kelancaran penghantaran produk		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Xpresi	Circulation	120,979
Page No	37	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	335 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,197
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,591



Platform dalam talian eAGRO dijangka dapat membantu pekebun kecil menerusi cara meningkatkan kelancaran penghantaran produk input pertanian selain menggalakkan ketelusan harga produk terbahagi dengan penjual dan pembeli.

Menurut Pengerusi Eksekutif eAGRO, Tengku Syarif Laksamana Perlis Datuk Seri Diraja Syed Razla Syed Putra Jamalullail, akses kepada platform itu mewujudkan rangkaian pasaran lebih sihat membabitkan produk input pertanian di seluruh negara.

"Kami di eAGRO memanfaatkan teknologi bagi menyatukan semua pemain dalam segmen input pertanian dari pekebun kecil, penjual sehingga kepada pembeli produk."

"Bangkutan ini secara tidak langsung memberi peluang terutama kepada pekebun kecil untuk akses kepada produk input

Tingkat kelancaran penghantaran produk



PELANCARAN eAGRO iaitu platform dalam talian yang pertama di Malaysia membabitkan akses input produk pertanian.

pertanian berkualiti yang dapat membantu mereka meningkatkan pengeluaran hasil.

"Ketika ini kami sudah mendapat lebih

100 penyertaan termasuk pemain industri bersaiz mega yang mahu memberi sokongan terhadap pekebun kecil dan menjangkakan lebih ramai

lagi menyertai dalam tempoh terdekat," katanya. Produk input pertanian berkenaan adalah pek benih, anak pokok, baja,

antibiotik, vaksin ternakan, makanan ternakan dan peralatan pertanian.

"Platform ini membolehkan pekebun kecil membuat pesanan melalui carian produk input pertanian dan seterusnya boleh memilih untuk dihantar terus ke rumah atau mengambilnya di mana-mana kedai berhampiran selepas pesanan dibuat."

"Terdapat juga faedah atau rebat yang ditawarkan dari semasa ke semasa. Ia termasuk menguruskan perkongsian maklumat seperti perkhidmatan analisis baja bagi membantu pekebun kecil menerima maklumat tepat mengenai kandungan nutrien baja."

"Usaha ini turut mendapat sokongan Institusi kewangan seperti CIMB apabila menawarkan pelan pembiayaan angsuran selama enam hingga 12

bulan tanpa faedah bagi jumlah tertentu," katanya.

Sementara itu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Klандее menyifatkan, kemudahan seperti platform dalam talian eAGRO seiring dengan strategi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem penghasilan makanan negara.

Langkah itu penting bagi meningkatkan kecukupan dan produktiviti sistem berteraskan skala ekonomikal serta pertanian mampan.

"Kementerian sedang giat memperluas dan memperkasa pemasaran hasil pertanian khususnya menerusi platform e-dagang yang bersesuaian untuk meningkatkan kebolehpasaran serta kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik mahupun pasaran antarabangsa," katanya.

Headline	Enam kementerian perlu lebih proaktif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	8,12,14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	2374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 50,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,986



Enam kementerian perlu lebih proaktif

Dalam siri keempat 100 hari petunjuk prestasi utama (KPI) kementerian-kementerian, Sinar Premium bersama dua badan penyelidik bebas, Ilham Centre dan O2 Research menilai prestasi enam lagi kementerian di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Keenam-enam kementerian ini berada dalam prestasi memuaskan dan perlu lebih proaktif mengemblem aktiviti bagi mencapai KPI ditetapkan.

Bagaimanapun, tidak dinafikan kementerian-kementerian ini juga berdepan cabaran besar dalam aktiviti dan program mereka akibat pandemik Covid-19.

SIRI 4

bajikan rakyat terkesan pandemik serta usaha pemulihan ekonomi, kami menyedari peranan kementerian ini agak terbatas dalam tempoh 100 hari kebelakangan ini.

Bagaimanapun, dari aspek imej menteri dan kementerian, Fadillah dilihat tidak begitu menonjol dalam memberi penjelasan dalam beberapa insiden membabitkan keselamatan pekerja di tempat kerja.

Sebagai contoh, apabila negara digemparkan dengan isu kenderaan dihempas kren dalam satu projek pembinaan jalan raya di Kuala Lumpur, rakyat tidak nampak menteri memainkan peranan besar dalam menjadi orang tengah dalam menyelesaikan isu berkenaan.

Bagi kami, kementerian kena lebih proaktif dalam menyampaikan mesej dan komunikasi secara dua hala terhadap rakyat kerana sebarang insiden yang membabitkan kehilangan nyawa akan memberi kerisauan kepada mereka.

RATING: 4/10 *****

O2 RESEARCH: Faktor utama kementerian ini tidak begitu menyerlah sewaktu pandemik Covid-19 berbanding kementerian lain sudah tentu disebabkan kerajaan perlu mengutamakan aspek kebajikan rakyat dan sistem kesihatan negara yang terjejas teruk sebelum ini.

Selain itu, apabila negara berdepan ke-



Peranan Kementerian Kerja Raya diterajui Fadillah agak terbatas dalam tempoh 100 hari kebelakangan ini di sebabkan negara lebih fokus untuk mengatasi tri krisis masalah negara.

kangan kewangan akibat krisis Covid-19, banyak projek pembangunan berimpak tinggi yang terpaksa ditangguhkan bagi membolehkan peruntukan berkenaan disalurkan kepada rakyat memerlukan.

Ditambah dengan masalah kekurangan pekerja asing yang sebahagian besarnya dihantar pulang sewaktu krisis berlaku, sudah pasti aspirasi kementerian ini terhadap kepada usaha memastikan pelaksanaan projek-projek kritikal disempurnakan berdasarkan kekangan bajet sedia ada.

Bagaimanapun, kami tidak nampak

lagi sebarang pelan tindakan dan rangka kerja kementerian dalam memacu semula industri pembinaan pada fasa endemik.

Sewajarnya menteri mengambil langkah proaktif untuk menyediakan pelan tindakan kementerian yang ampuh dalam memastikan 'blueprint' Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang membabitkan kementerian itu, dapat dilaksanakan mengikut tempoh waktu ditetapkan.

RATING: 7/10 *****

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Menteri: Datuk Seri Fadillah Yusof (PBB-GPS)
Timbalan Menteri: Datuk Arthur Joseph Kurup (PBRs-BN)

ILHAM CENTRE: Memandangkan tri krisis Covid-19 menuntut negara memupuk sepuhnya kepada aspek ke-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Menteri: Senator Datuk Dr Radzi Jidin (Bersatu-PN)
Timbalan Menteri 1: Datuk Dr Mah Hang Soon (MCA-BN)
Timbalan Menteri 2: Datuk Mohamad Amin (UMNO-BN)

ILHAM CENTRE: Kementerian dilihat tidak dapat memberi penjelasan mencukupi kepada ibu bapa yang perlu menyediakan anak-anak untuk proses pembukaan semula sekolah pada sesi persekolahan tahun hadapan.

Bermula dengan isu Sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) diikuti dengan langkah pembukaan semula sekolah secara dua sesi, golongan ibu bapa dilihat masih keliru dengan hala tuju pendidikan negara yang cuba dicapai pada tempoh pasca pandemik Covid-19.

Sepatutnya kementerian sudah menyediakan pelan tindakan tuntas dalam memastikan kualiti pendidikan pelajar yang tertinggal selama dua tahun fasa pandemik, dapat dikembalikan menerusi penyediaan kursus tambahan dan sebagainya.

Masalah ini sebenarnya sangat terkesan kepada penduduk luar bandar yang bergantung sepenuhnya kepada kualiti pendidikan yang diberikan kerajaan kepada anak-anak mereka.

Ditambah dengan masalah perkhidmatan jalur lebar yang kritikal di kawasan luar



Kementerian Pendidikan diterajui Radzi sewaktu 100 hari di kala negara berdepan dengan pandemik Covid-19 ternyata memberi cabaran buat dirinya terutama melibatkan hala tuju kementerian.

bandar, terdapat keimbangan lebih 80 peratus anak-anak penduduk B40 akan ketinggalan dalam silibus pelajaran disediakan kementerian.

RATING: 4/10 *****

O2 RESEARCH: Saya terpaksa bersetuju kementerian ini tidak begitu menyerlah dan nampak gagal menjelaskan banyak isu yang jadi kekusaran rakyat.

Lebih malang, segala rintihan dan per-

masalah dihadapi golongan ibu bapa dan pelajar B40 terutama dalam mendepani isu PdPR dan langkah pembukaan semula sekolah di penghujung takwim persekolahan tahun 2021, seolah-olah tidak didengari dan diambil tindakan susulan oleh menteri sendiri.

Dengan kementerian dilihat lambat mencari solusi bagi meringankan beban ibu bapa untuk membeli peranti PdPR yang mahal pada saat krisis Covid-19, banyak juga kekeliruan atau percanggahan mak-

lumat berkaitan isu pembukaan semula sekolah secara dua sesi yang datanganya daripada pihak kementerian sendiri.

Bahkan, kami mendapati ramai golongan B40 yang meluahkan kekecewaan kepada kerajaan di atas kegagalan Kementerian Pendidikan mempertahankan inisiatif Program Sarapan Percuma (PSP) yang selama ini memberi manfaat kepada anak-anak mereka.

Walaupun penamatan program PSP kepada pelajar daripada keluarga B40 mungkin disebabkan kekangan kewangan kerajaan, namun Radzi seharusnya menunjukkan lebih keprihatinan dalam isu ini dan memikirkan solusi lain yang lebih substantif dalam menjaga kebajikan mereka.

Selain itu, persoalan pokok yang lebih penting adalah apa strategi kementerian dalam memastikan generasi krisis Covid-19 yang kehilangan tempoh dua tahun untuk mendapatkan pendidikan berkualiti, diberikan semula akses pendidikan pada tahap sepatutnya?

Dengan sistem persekolahan secara penggiliran pelajar dilihat bukan solusi tuntas bagi jangka masa panjang, kementerian perlu menghuraikan isu ini dengan lebih lanjut selain merangka hala tuju sistem pendidikan negara fasa endemik dengan lebih jelas.

RATING: 5/10 *****

>> LAGI BERITA DI MUKA 12

Headline	Enam kementerian perlu lebih proaktif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	8,12,14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	2374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 50,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,986



Rina berpeluang menjadi menteri ketika pentadbiran PH, PN dan Kerajaan Keluarga Malaysia.



Rina dinilai tidak menonjol sewaktu negara berdepan krisis pandemik Covid-19.

KEMENTERIAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
Menteri: Datuk Seri Rina Harun (Bersatu-PN)
Timbalan Menteri: Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (Pas-PN)

ILHAM CENTRE: Prestasi Rina sememangnya menjadi persoalan dalam kalangan rakyat sejak beliau menjadi menteri sewaktu kerajaan PH lagi.

Kami juga melihat beliau tidak menonjol sewaktu negara berdepan krisis pandemik Covid-19. Kementeriannya dilihat tidak ke hadapan mendepani isu peningkatan kes bunuh diri akibat masalah mental, pertambahan kes keganasan rumah tangga serta strategi mobilisasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang kurang menyerlah.

RATING: 4/10 *****

O2 RESEARCH: Kami tidak pasti sejauh mana Rina proaktif dan peka dengan isu-isu penting di bawah kendalian kementerian beliau.

Menteri sepatutnya melaksanakan inisiatif segera untuk mendepani setiap isu kementerian yang menjadi kekusaran rakyat.

Sebagai contoh, Akta Gangguan Seksual masih lagi belum dibentangkan meskipun perkara itu diberi penekanan

berterusan oleh ahli-ahli Parlimen wanita yang lantang memperjuangkan hak kepentingan wanita dan kanak-kanak.

Berpengalaman sebagai menteri Kabinet sejak zaman kerajaan PH, Rina sepatutnya lebih fokus dalam menyelesaikan segera isu-isu penting yang melibatkan kesejahteraan serta kebajikan rakyat.

RATING: 5/10 *****

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)

Menteri: Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (Bersatu-PN)
Timbalan Menteri I: Datuk Seri Ahmad Hamzah (UMNO-BN)
Timbalan Menteri II: Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh (Pas-PN)

ILHAM CENTRE: Sejak kebelakangan ini, masalah kenaikan harga barang terutama melibatkan barangan makanan asas menjadi perdebatan dan kekusaran dalam kalangan rakyat marhaen.

Bagaimanapun, kementerian ini dilihat kurang memberi penjelasan tuntas terhadap punca permasalahan itu berlaku dan seolah-olah hilang punca dalam mencari solusi penyelesaian menang-menang di antara golongan pengguna dan petani.

Bahkan, dalam sektor industri pertanian sendiri pun, kementerian tidak mengambil langkah proaktif untuk menangani kos kenaikan harga makanan haiwan dan input pertanian setelah item-item itu dikenal pasti sebagai faktor kenaikan harga barangan makanan.

Pada saat rakyat baru hendak membina kembali kehidupan yang terjejas sewaktu krisis Covid-19, sebarang masalah kenaikan harga barang perlu diselesaikan segera bagi mengelakkan sokongan rakyat terhadap kerajaan ini semakin terhakis.

RATING: 4/10 *****

O2 RESEARCH: Pertamanya, cabaran terbesar negara pada pasca pandemik Covid-19 adalah keupayaan kerajaan untuk mendepani isu sekuriti makanan selain mengurangkan ketergantungan kepada produk import.



Ronald berdepan dengan keluhan ramai di mana harga barangan semakin mahal.

Sehingga kini, kami masih lagi tidak pasti sejauh mana isu ini diberi perhatian secukupnya dalam kementerian ini memandangkan isu berbangkit ketika ini adalah isu kenaikan harga barang luar biasa pada saat rakyat masih hidup sukar pasca pandemik.

Dalam hal ini, kementerian harus beri jaminan dan keyakinan kepada rakyat bahawa senario kenaikan harga barang ini hanya bersifat sementara dan tidak akan membebaskan rakyat untuk jangka masa panjang.

Kementerian juga seharusnya melaksanakan unjuran awal terhadap kemungkinan berlakunya isu sebegini dan menguruskannya dengan lebih proaktif.

Harus di ingat isu harga barang adalah merupakan satu perkara yang dekat di hati rakyat dan kegagalan kerajaan Ismail Sabri mencari jalan penyelesaian tuntas akan memberi kesan negatif terhadap beliau terutama dari sudut sokongan rakyat.

RATING: 5/10 *****

Headline	Enam kementerian perlu lebih proaktif		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	8,12,14	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	2374 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 50,329
Frequency	Daily	PR Value	RM 150,986

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)

Menteri: Datuk Seri Alexander Nanta Linggi (PBB-GPS)

Timbalan Menteri: Datuk Rosol Wahid (Bersatu-PN)

ILHAM CENTRE: Tempoh 100 hari pentadbiran kementerian dalam kerajaan baharu mungkin menyebabkan gerak kerja pemantauan harga barang sedikit terganggu.

Namun, kementerian tidak boleh membiarkan rakyat berterusan menjadi penat dan letih dengan kegagalan kerajaan untuk menunjukkan keprihatinan terhadap permasalahan utama dihadapi mereka.

Apabila harga ayam dikhabarkan meningkat selain isu kehabisan bekalan minyak masak pekiet yang sering digunakan golongan B40 sejak tiga minggu lalu, kementerian sepatutnya lebih cakna dan melaksanakan tindakan susulan bagi menyelesaikan kekusaran rakyat.

Namun, kementerian diketuai Alexander Nanta ini bukan sahaja dilihat tidak ke hadapan dalam menjelaskan punca kenaikan harga pelbagai barangan keperluan asas berlaku sehingga kini.

Bahkan fungsi kementerian ini dilihat agak tenggelam pada saat menteri sepatutnya dibekalkan data dan maklumat mencukupi bagi memberikan penjelasan jitu kepada rakyat.

Selain itu, sikap kementerian-kementerian yang mengamalkan mentaliti



Alexander (tengah) yang menghajui kementeriannya berdepan dengan krisis kenaikan barangan pada ketika ini.



Krisis harga barangan naik antara cabaran yang dilalui KPDNHEP.

silo juga menyebabkan setiap data dan maklumat dimiliki mereka tidak di selaras bagi membolehkan satu unjuran penyelesaian isu harga barang dicapai.

Dengan jangkaan lebih banyak harga barang akan meningkat pada tahun hadapan, kementerian ini perlu mewujudkan satu mekanisme penyelesaian terbaik bagi mengurangkan impak kenaikan harga barang kepada rakyat kelak.

RATING: 4/10 *****

O2 RESEARCH: Sebagaimana MAFI, KPDNHEP turut berdepan masalah sama memandangkan kedua-dua kementerian sebenarnya adalah saling berkait rapat.

Sehingga kini, kementerian ini dilihat tidak proaktif dalam memastikan isu kenaikan harga barang dapat diuruskan dengan baik.

Dengan menteri dilantik perlu memainkan peranan lebih besar, KPDNHEP sepatutnya sudah boleh mengenal pasti

permasalahan sebegini akan berlaku dan mewujudkan pelan tindakan yang bersesuaian untuk menanganinya.

Harus di ingat, KPDNHEP bukan kali pertama menghadapi isu kenaikan harga barang. Namun pada saat ramai rakyat terkesan dengan krisis Covid-19, berita kenaikan harga barang adalah satu perkara malang yang perlu dielakkan dan diatasi segera kementerian dan kerajaan.

RATING: 5/10 *****



Ahmad Faizal berdepan kekangan untuk mewujudkan inisiatif baharu yang boleh melonjakkan nama kementerian pada mata rakyat.

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Menteri: Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (Bersatu-PN)

Timbalan Menteri: Senator Datuk Seri Ti Lian Ker (MCA-BN)

ILHAM CENTRE: Bagi kami, Ahmad Faizal atau dikenali Peja merupakan seorang pemimpin yang agak kontroversi sejak beliau menerajui kementerian ini.

Hal ini disebabkan sikap Peja yang cenderung menjawab persoalan media dengan kurang cermat dan akhirnya men-

cetuskan kontroversi, terutama sewaktu beliau memberi respons terhadap pendakwaan kes gangguan seksual yang dialami tokoh penerjun negara, Datuk Pandalela Rinong.

Dari segi prestasi, kepimpinan Ahmad Faizal boleh dianggap sederhana dan perkara itu tidak pelik kerana dua menteri terdahulu juga tidak mengangkat sebarang agenda signifikan bagi memartabatkan kembali bidang sukan dan pembangunan belia negara.

RATING: 4/10 *****



Ahmad Faizal disarankan menghidupkan kembali Parlimen Belia sebagai langkah pembangunan belia sebagai pemimpin masa hadapan.

O2 RESEARCH: Selain jawatan Menteri Besar Perak, Peja tidak mempunyai pengalaman dalam memegang sebarang jawatan Kabinet.

Justeru, kami memahami kekangan dihadapi beliau untuk mewujudkan inisiatif baharu yang boleh melonjakkan nama kementerian pada mata rakyat.

Cuma Peja diakui terpalit dengan beberapa isu berbangkit termasuk isu kepimpinan beliau sewaktu menerajui pasukan Liga Super Perak selaku Presiden PAPA yang diragui dan kembali dibangkitkan sejak kebelakangan ini.

Bagi kami, Peja perlu membuktikan diri dengan memperkenalkan sebarang inisiatif baharu dan segar untuk menyemarakkan kembali landskap sukan negara yang agak tenggelam akibat krisis Covid-19.

Dari aspek pembangunan belia, beliau turut disarankan untuk menghidupkan kembali Parlimen Belia yang tidak lagi 'hidup' demi membolehkan golongan belia lebih terdedah dengan amalan demokrasi di Malaysia.

RATING: 6.5/10 *****

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

TINGKAT KELANCARAN PENGHANTARAN PRODUK



PENGUNAAN platform dijangka membantu dan memudahkan urusan pekebun kecil dalam mendapatkan produk input pertanian.

PLATFORM dalam talian eAGRO dijangka dapat membantu pekebun kecil menerusi cara meningkatkan kelancaran penghantaran produk input pertanian selain menggalakkan ketelusan harga produk terbabit dengan penjual dan pengeluar.

Menurut Pengerusi Eksekutif eAGRO, Tengku Syarif Laksamana Perlis Datuk Seri DiRaja Syed Razla Syed Putra Jamalullail, akses kepada platform itu mewujudkan rangkaian pasaran lebih sihat membabitkan produk input pertanian di seluruh negara.

"Kami di eAGRO memanfaatkan teknologi bagi menyatukan semua pemain dalam segmen input pertanian dari pekebun kecil, penjual sehinggalah kepada pengeluar produk.

"Rangkaian ini secara tidak langsung memberi peluang terutama kepada pekebun kecil untuk akses kepada produk input pertanian berkualiti yang dapat membantu mereka meningkatkan pengeluaran hasil.

"Ketika ini kami sudah mendapat lebih 100 penyertaan termasuk pemain industri bersaiz mega yang mahu memberi sokongan terhadap perkebun kecil dan menjangkakan lebih ramai lagi menyertai dalam tempoh terdekat,"katanya.

Produk input pertanian yang terdapat di platform berkenaan adalah pek benih, anak pokok, baja, antibiotik, vaksin ternakan, makanan ternakan dan peralatan pertanian.

"Platform ini membolehkan pekebun kecil membuat pesanan melalui carian produk input pertanian dan seterusnya boleh memilih untuk dihantar terus ke rumah atau mengambilnya di mana-mana kedai berhampiran selepas pesanan dibuat.

"Terdapat juga faedah atau rebat yang ditawarkan dari semasa ke semasa. Ia termasuk menguruskan perkongsian maklumat seperti perkhidmatan analisis baja bagi membantu pekebun kecil menerima maklumat tepat mengenai kandungan nutrien baja.

"Usaha ini turut mendapat sokongan institusi kewangan seperti CIMB apabila menawarkan pelan pembayaran ansuran selama enam hingga 12 bulan tanpa faedah bagi jumlah tertentu," katanya.

Sementara itu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronal Kiandee menyifatkan, kemudahan seperti platform dalam talian eAGRO seiring dengan strategi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem penghasilan makanan negara.

Langkah itu penting bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem berteraskan skala ekonomikal serta pertanian mampan.

"Kementerian sedang giat memperluas dan memperkasa pemasaran hasil pertanian khususnya menerusi platform e-dagang yang bersesuaian untuk meningkatkan kebolehpasaran serta kebolehdapatan hasil pertanian bagi pasaran domestik mahupun pasaran antarabangsa," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

LEBIH 2,000 NELAYAN TANPA DOKUMEN

Oleh Siti Rohana Idris - Disember 12, 2021 @ 5:37pm
bhnews@bh.com.my



Badrul (kiri) diiringi oleh Pengurus Ayu Craft Kraftangan dan Hasil Rimba, Mahadi@Ibrahim Deraman (dua kiri) ketika melawat bengkel perusahaan Ayu Batik, di Tumpat. - Foto NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

TUMPAT: Kerajaan masih berunding dengan kedutaan beberapa negara jiran untuk menyelesaikan isu nelayan tanpa negara.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Badrul Hisham Mohd, berkata ada lebih 2,000 nelayan asing tanpa dokumen perjalanan sah di negara ini dan sebahagian besarnya nelayan tanpa negara.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan Kementerian Dalam Negeri untuk mencari penyelesaian isu terbabit.

"Mereka berasal daripada Myanmar, Vietnam dan Thailand. Ada dalam kalangan mereka sudah menetap di sini mencecah puluhan tahun.

"Ketibaan mereka di negara ini antara lain berpunca daripada tragedi tsunami dahulu.

"Mereka masuk ke negara ini dan bekerja sebagai awak-awak. Ketiadaan dokumen diri menjadi lebih kusut kerana negara asal tidak mengiktiraf mereka sebagai rakyatnya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Badrul Hisham berkata, sebelum ini lebih ramai nelayan asing dikesan di negara ini yang masuk menggunakan 'seaman book' yang dikeluarkan oleh negara masing-masing dan digajikan oleh majikan di sini.

Beliau berkata, jika rundingan dengan kedutaan tidak berjaya, pihaknya akan menggunakan mekanisme seperti yang dijalankan oleh Thailand iaitu memberi pas sementara kepada pekerja sektor perikanan yang tidak mempunyai pengenalan yang sah atau pasport.

"Satu kad khas akan dikeluarkan dan mereka boleh digaji oleh majikan," katanya..

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

CARI JALAN ATASI MASALAH NELAYAN TANPA NEGARA

Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my



Badrul Hisham (dua kiri) melihat Pengurus Ayu Craft Kraftangan dan Hasil Rimba, Mahadi@Ibrahim Deraman (kiri) menunjukkan teknik menangkap batik ketika melawat bengkel perusahaan Ayu Batik sempena rangka kerja lawatan di Kampung Talak. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Tumpat: Kerajaan sedang berunding dengan kedutaan negara jiran untuk menyelesaikan isu nelayan tanpa negara yang berada di negara ini.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, dianggarkan lebih 2,000 nelayan asing tanpa negara.

Beliau berkata, pihaknya kini juga sedang bekerjasama dengan beberapa pihak berkaitan termasuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) membincangkan mengenai formula tertentu bagi menangani isu terbabit.

"Hampir 2,000 nelayan tanpa negara yang ada di negara ini dikenal pasti berasal daripada Myanmar, Vietnam dan Thailand dan ada yang sudah menetap di sini mencecah puluhan tahun.

"Ketibaan mereka di negara ini antara lain berpunca daripada tragedi tsunami suatu masa dahulu disebabkan tanah air mereka sudah musnah dan tiada saudara mara yang tinggal.

"Mereka masuk ke negara ini dan bekerja sebagai awak-awak namun apa yang menjadi masalah adalah ketiadaan dokumen diri malah yang menjadi lebih kusut adalah negara asal tidak mengiktiraf mereka sebagai rakyatnya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Terdahulu beliau hadir di bengkel perusahaan Ayu Batik di Kampung Talak, di sini sempena rangka kerja lawatan di Kelantan.

Badrul Hisham berkata, sebelum ini lebih ramai nelayan asing dikesan di negara ini yang masuk dengan menggunakan 'seaman book' yang dikeluarkan oleh negara masing-masing dan bekerja dengan majikan di sini.

Bagaimanapun ramai yang berjaya menyelip pulang ke negara masing-masing walaupun sempadan negara masih ditutup berikutan pandemik Covid-19.

"Mereka sekarang berdepan dengan dilema kerana apabila sempadan negara tutup mereka tidak boleh kembali ke negara mereka dan selain tiada dokumen, mereka juga tidak ada negara sekali gus menyukarkan kita untuk sahkan kewarganegaraan mereka," katanya.

Badrul Hisham berkata, jika rundingan bersama pihak kedutaan tidak berjalan lancar, pihaknya akan menggunakan mekanisme seperti yang dijalankan oleh Thailand iaitu mewujudkan pemberian pas sementara kepada pekerja sektor perikanan yang tidak mempunyai pengenalan yang sah atau pasport.

"Satu kad khas akan dikeluarkan dan mereka boleh digajikan di bawah majikan tertentu dengan jaminan majikan.

"Thailand berjaya menyelesaikan masalah itu dan kita akan cuba menggunakan kaedah ini cuma memerlukan perundingan serta data yang betul daripada pemilik bot," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/12/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

MAFI PANTAU AKTIVITI 'PETANI IMPORT', PERLU DIHENTIKAN

Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my



TINJAUAN Harian Metro di kawasan sawah padi sekitar Sekinchan. FOTO Saifullizan Tamadi

Kuala Lumpur: Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) meneruskan pemantauan di semua lapan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) di seluruh semenanjung bagi memastikan ia tidak menjadi 'lubuk emas' pendatang asing.

Ketua Pengarahnya Azman Mahmood berkata, ketika ini pihaknya sedang mendapatkan laporan terperinci mengenai kegiatan warga asing yang memonopoli sawah padi dengan aktiviti agronomi.

Katanya, penguatkuasaan bersepadu bersama agensi kerajaan berkaitan akan diteruskan bagi memastikan apa yang berlaku di Sekinchan dapat dihentikan.

"Apa yang perlu difahami ialah, kita tidak ada masalah dengan mereka yang mengambil upah, iaitu menerima gaji daripada pesawah tempatan.

"Tetapi, mestilah untuk kerja sawah, bukannya kebun kerana kerajaan menyediakan banyak insentif untuk benih, baja dan racun.

"Apa yang kita bimbang, bila mana mereka ini mula tunjuk lagak seolah-olah sudah memiliki sawah yang menjadi hak kita," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, sebelum ini pihaknya mengesan lebih 200 'petani import' yang mengusahakan penanaman padi di negara ini.

Selain itu, katanya, ada dalam kalangan mereka yang menjadikan sawah berkenaan sebagai kebun dengan mengusahakan pelbagai jenis tanaman untuk pasaran sekitar Lembah Klang.

Menurutnya, pihaknya akan terus memantau perkara ini dan mendapatkan maklumat terperinci di setiap negeri untuk tindakan susulan.

"Saya menerima maklum balas mengenai perkara ini sejak didedahkan Harian Metro minggu lalu.

"Perkara ini dibahasakan tiga kali di Dewan Rakyat, menunjukkan ia adalah isu negara, ancaman keselamatan serta ekonomi dalam jangka masa panjang. Kita berharap pihak berkepentingan sedar dengan isu ini," katanya.

Headline	Harga ayam, sayur stabil bulan depan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	5	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	244 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,575
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,725



Harga ayam, sayur stabil bulan depan

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan keperluan termasuk sayur dan ayam akan kembali stabil antara Januari atau Februari tahun hadapan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, ia berikutan harga barangan khususnya sayur dan ayam kini mula menunjukkan penurunan.

"Berita gembira ingin saya umumkan bahawa harga barangan antaranya sayur sudah mula menunjukkan arah penurunan termasuk juga harga ayam."

"Faktor dan sebab penurunan harga ini mungkin berkaitan dengan pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang sedang kita laksanakan atau cuaca di tempat pengeluaran sayur sudah kembali pulih, manakala ayam pula disebabkan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) yang mengimport bekalan ayam ke negara ini," katanya, semalam.



ROSOL (kanan) beramah mesra dengan pengunjung PJKM, semalam.

Terdahulu beliau hadir mengadakan *walkabout* di tapak PJKM di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini.

Rosol berkata, walaupun harga dilihat mula turun, terdapat 2,226 pegawai penguatkuasa dan kira-kira 1,000 pegawai pemantau harga KPDNHEP akan terus melakukan pemantauan dan pemeriksaan di lapangan terutamanya untuk memasti-

kan peniaga mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Mengulas lanjut mengenai PJKM, Rosol berkata, program itu mungkin tidak akan disambung sekiranya harga barangan sudah kembali stabil.

"Kerajaan menetapkan program ini akan dilaksanakan sehingga Mac tahun hadapan dan sekiranya harga barang sudah kembali stabil antara Januari atau Fe-

bruari mungkin ia tidak akan disambung lagi.

"Bagaimanapun jika keadaan ini berlaku lagi (harga barang naik) berterusan sehingga April iaitu ketika musim perayaan kita akan terus menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa."

"Apa yang penting sekarang adalah kita tidak mahu rakyat terkesan dengan apa yang berlaku," katanya.

Dalam pada itu, Rosol berkata, PJKM sudah dilaksanakan di 15 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan mencecah setengah juta.

"Sambutan program ini amat menggalakkan apabila lebih 28,000 pengunjung hadir dan ia akan terus diadakan secara berperingkat di kawasan-kawasan lain yang membabitkan 222 parlimen secara keseluruhan-nya."

"Program ini diadakan kerana kerajaan cakna dan prihatin dengan masalah yang dilalui rakyat ekoran Covid-19 yang menyebabkan pendapatan mereka terjejas," katanya.

Headline	Harga barang keperluan dijangka stabil Februari		
MediaTitle	Berita Harian Ahad		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	56,027
Page No	7	Readership	168,081
Language	Malay	ArticleSize	400 cm ²
Journalist	Nur Izzati Mohamad	AdValue	RM 13,245
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,735



Harga barang keperluan dijangka stabil Februari

2,226 pegawai penguat kuasa, 1,000 pegawai KPDNHEP terus buat pemantauan

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Bukit Mertajam: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangka harga barang keperluan, termasuk sayur dan ayam akan stabil pada Januari atau Februari tahun depan.

Tiubalan Menteriinya, Datuk Rosol Wahid, berkata ini berikutan harga sayur dan ayam mula menunjukkan penurunan.

"Faktor dan sebab penurunan harga ini mungkin berkaitan dengan pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia yang sedang kita laksanakan atau cuaca di tempat pengeluaran sayur sudah kembali pulih.

"Penurunan harga ayam pula disebabkan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang mengimport bekalan ayam ke negara ini," katanya di sini, semalam.

Terdahulu, beliau membuat



Rosol (kanan) melihat jualan ketika meninjau Program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda, semalam.
(Foto Daniel Saad/BH)

tinjauan Program Jualan Keluarga Malaysia di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda, di sini.

Rosol berkata, walaupun harga mula turun, terdapat 2,226 pegawai penguat kuasa dan hampir 1,000 pegawai memantau harga KPDNHEP terus memantau di lapangan, terutamanya untuk memastikan peniaga mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM).

Beliau berkata, Program Jua-

lan Keluarga Malaysia mungkin tidak akan disambung sekiranya harga barang kembali stabil.

"Kerajaan menetapkan program ini dilaksanakan sehingga Mac tahun depan dan sekiranya harga barang sudah kembali stabil antara Januari atau Februari, mungkin ia tidak akan disambung lagi.

"Jika harga barang naik berterusan sehingga April, iaitu ketika musim perayaan, pemantauan dari semasa ke semasa akan

terus dijalankan. Kita tidak mahu rakyat terkesan dengan apa yang berlaku," katanya.

Rosol berkata, Program Jualan Keluarga Malaysia sudah dilaksanakan di 15 Parlimen dengan nilai jualan mencecah setengah juta.

"Sambutan program ini amat menggalakkan apabila lebih 28,000 pengunjung hadir. Ia akan terus diadakan secara berperingkat di kawasan lain yang membabitkan 222 Parlimen," katanya.

Headline	KPDNHEP jangka harga barang stabil antara Januari, Februari		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,325
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,974



KPDNHEP jangka harga barang stabil antara Januari, Februari

BUKIT MERTAJAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjangkakan harga barangan termasuk sayur dan ayam kembali stabil antara Januari dan Februari tahun depan.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, ia berikutan harga barangan khususnya sayur dan ayam kini mula menunjukkan penurunan.

"Antara faktor dan sebab penurunan harga berlaku berikutan

pelaksanaan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang sedang dilaksanakan selain cuaca di tempat pengeluaran sayur sudah kembali pulih.

"Penurunan harga ayam pula disebabkan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang mengimport bekalan ayam ke negara ini," katanya selepas meninjau tapak PJKM di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah, Bandar Perda di sini pada Sabtu.



Rosol ketika meninjau PJKM yang dianjurkan di pekarangan Masjid Daerah Seberang Perai Tengah pada Sabtu.

Rosol berkata, PJKM mungkin tidak disambung sekiranya harga barangan kembali stabil.

"Kerajaan menetapkan program ini dilaksanakan sehingga Mac tahun hadapan dan sekiranya harga barang sudah kembali stabil antara Januari dan Februari mungkin ia tidak disambung lagi.

"Bagaimanapun jika harga barang naik berterusan sehingga April iaitu ketika musim perayaan, pemantauan dari masa ke masa akan terus dijalankan kerana tidak mahu rakyat terkesan," katanya.

Sementara itu, Rosol berkata, setakat ini PJKM sudah dilaksanakan bagi 15 kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan mencecah setengah juta.

"Sambutan program ini amat menggalakkan apabila lebih 28,000 pengunjung hadir dan ia akan terus diadakan secara berperingkat di kawasan lain dengan membabitkan 222 Parlimen secara keseluruhan," katanya.

Headline	Harga ayam, sayur stabil bulan depan		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	12 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	166,774
Page No	7	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	ISWAN SHAFIQ ISA	AdValue	RM 7,396
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,188



KPDNHEP optimis harga barangan keperluan asas menunjukkan trend menurun

Harga ayam, sayur stabil bulan depan



ROSOL menunjukkan ayam yang dijual pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Bandar Perda, Bukit Mertajam semalam.

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI – Harga barangan keperluan harian termasuk ayam dan sayur dijangka kembali stabil bermula bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Datuk Rosol Wahid berkata, pemantauan yang dilakukan ketika ini menunjukkan trend penurunan harga barangan terutamanya sayur.

Menurutnya, ia didorong faktor cuaca seterusnya menyaksikan pengeluaran sayur kembali pulih selain langkah diambil kerajaan melalui Kementerian

Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan mengimport ayam dari luar negara.

"Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang menawarkan diskaun 20 peratus barangan keperluan harian antara faktor harga kembali stabil.

"Kita jangka dalam satu atau dua bulan lagi harga barangan stabil semula," katanya.

Beliau ditemui selepas menghadiri PJKM di Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Bandar Perda, Bukit Mertajam di sini semalam.

Rosol berkata, PJKM akan diteruskan sehingga Mac depan walaupun harga barangan sudah

kembali stabil.

"Kita akan lihat selepas itu (meneruskan PJKM atau sebaliknya) kerana umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada Mei.

"Apa yang penting rakyat tidak terkesan (dengan kenaikan harga barangan)," jelasnya.

Dalam pada itu, Rosol berkata, sehingga kini, PJKM telah dilaksanakan di 15 buah kawasan Parlimen di seluruh negara dengan nilai jualan sebanyak RM423,844.

Menurut beliau, jumlah kehadiran juga agak memberangsangkan apabila lebih 28,000 pengunjung direkodkan di kesemua lokasi PJKM sebelum ini.

12 DEC, 2021

Bantuan kerajaan pulih perniagaan

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Bantuan kerajaan pulih perniagaan

Peruntukan MOF kembalikan keupayaan perniagaan pengusaha PMKS selepas berdepan situasi penularan Covid-19 hampir dua tahun

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

BAJET 2022

Keluarga Malaysia, Maktum Sejahtera

Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan (MOF) akan menyalurkan peruntukan berbilion ringgit untuk manfaat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh negara dalam Bajet 2022.

Peruntukan itu merangkumi pembiayaan skim kredit mikro berjumlah RM1.8 bilion.

Ia turut membabitkan pemberian pinjaman mudah kira-kira RM14.2 bilion untuk perusahaan kecil dan sederhana atau PKS dan meningkatkan jaminan pembiayaan perniagaan menerusi Skim Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP) sehingga RM10 bilion sebagai tambahan kepada RM20 bilion yang telah diumumkan di bawah pakej PEMULIH. Ini termasuk RM2 bilion daripadanya dihususkan kepada pemegang Bumiputera.

Keseluruhan peruntukan itu disediakan MOF untuk mengembalikan keupayaan perniagaan pengusaha golongan PMKS selepas berdepan situasi sukar akibat impak penularan Covid-19 hampir dua tahun.

Peruntukan besar itu juga menjadi



Khadjah menambah stok kuih sejuk beku yang dikeluarkannya di beberapa pasar raya di Kemaman.



Mohd Kamel merekodkan purata jualan kuih keria Melaka 700 biji sehari.



Anrina menyusun gubahan hadiah di kedai barunya yang disewanya di Pasar Raya Lotus's Bukit Beruntung, Selangor.

suntikan berterusan MOF kepada pengusaha PMKS kerana sebelum ini pelbagai bantuan diberikan untuk membantu mereka meneruskan kelangsungan perniagaan yang memanfaatkan lebih 20 juta rakyat serta 2.4 juta premis dan entiti perniagaan.

Rata-rata pengusaha PMKS mengakui bantuan yang diberikan kerajaan, terutama pemberian 'one-off' Geran Khas Prihatin (GKP), dapat mengelakkan mereka daripada gulung tikar.

Usahawan produk kuih sejuk beku jenama Khaty Aini, Khadijah Aini Mohamed, berkata, impak negatif pandemik Covid-19 menyebabkan beliau hilang separuh punca pendapatan apabila tidak dapat menjual kuih sejuk beku yang dihasilkan di pasar tani, Ekoran Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0.

"Saya bernasib baik sebab saya turut pasarkan kuih di pasar raya, jadi pendapatan tak hilang sepenuhnya ketika peringkat awal pelaksanaan PKP, namun jualan memang berkurangan.

"Berikutan penurunan mendadak hasil jualan, saya bersyukur kerana dapat bantuan GKP, dan dengan wang tunai yang diperolehi itu saya jadikan modal pusingan untuk bangkit semula dengan menambah stok kuih sejuk beku di pasar raya," katanya.

Bercerita lanjut, ibu tujuh anak itu memberitahu, percubaannya menambah stok nyata berjaya kerana permintaan dan trend pembelian kuih sejuk beku sepanjang tempoh pandemik naik mendadak berikutan orang ramai hanya duduk di rumah, sekali gus ia mendorong kuih sejuk beku menjadi pilihan mereka sebab mudah dimasak dan disediakan.

Permintaan yang tinggi juga membolehkan usahawan berusia 45 tahun dari Kemaman, Terengganu itu terus kekal menggaji seorang pekerja untuk menyiapkan penghasilan 20 jenis kuih setiap hari.

Kuih-muih yang dikeluarkannya termasuk karipap, pau goreng, donat, sardin gulung, sosej gulung, kasturi, bom bijan, rori keramat, ropy ikan, puteri ayu serta roti canai.

"Alhamdulillah dengan bantuan diberi kerajaan, jualan kuih sejuk beku saya sehingga kini terus meningkat hingga saya dapat buka kedai memproses kuih sejuk

Saya juga sangat bersyukur kerana kerajaan terus salurkan pelbagai bantuan kepada PMKS melalui Bajet 2022 dan saya juga nak mohon bantuan itu untuk kembangkan lagi bisnes."

beku pada Mei lalu. Sebelum itu saya hanya buat kuih di rumah.

"Saya juga sangat bersyukur kerana kerajaan terus salurkan pelbagai bantuan kepada PMKS melalui Bajet 2022 dan saya juga nak mohon bantuan itu untuk kembangkan lagi bisnes," katanya.

Syukur sektor ekonomi dibuka

Pengusaha kuih keria gula Melaka jenama Apok Kamel, Mohd Kamel Ali, 45, turut mengakui bantuan 'one-off' GKP banyak membantu usahawan kecil seperti yang mengubah nasib dan bangkit semula ketika pandemik.

"Waktu awal-awal pandemik, jualan kuih keria saya merosot teruk. Saya bukan sahaja saya tak ada duit untuk buat modal pusingan, bahkan untuk bayar bil air dan elektrik pun tak cukup duit.

"Lepas itu saya dapat GKP dan dengan wang itulah saya guna sebagai modal untuk jual kuih keria semula dan syukur apabila sektor ekonomi dibuka semula secara berperingkat, jualan kuih keria saya juga semakin melonjak," ujarnya.

Bapa kepada dua cahaya mata kembar berusia enam tahun dari Rawang, Selangor itu menjelaskan, purata jualan kuih kerianya kini melebihi 700 biji sehari berbanding sekitar 100 ke 200 biji sehari pada 2020.

Keria yang dijual pada harga RM4 sepeket (mengandungi lima biji kuih), dipasarkan di lima buah kedai sekitar Rawang selain Mohd Kamel turut menjualnya sendiri di beberapa lokasi yang menjadi tempat tumpuan ramai.

"Kuih keria yang saya buat sendiri ini sebenarnya pernah viral sebelum ini. Jadi sehingga kini saya juga kadangkala masih menerima tempahan dalam jumlah yang banyak daripada kakitangan syarikat

korporat dan swasta seperti daripada kakitangan Menara Berkembang Petronas (KLCC) dan CIMB Bank.

"Berikutan sambutan baik daripada pelanggan ini, saya rancang nak buka kedai dan nak upah tiga atau empat pembantu pada tahun depan dan saya akan mohon bantuan yang kerajaan salurkan dalam Bajet 2022," jelasnya.

Dalam pada itu, pengusaha kedai gubahan hadiah, Anrina Anthonsamy berkata, pandemik memberi tamparan besar kepadanya kerana ketika PKP 1.0 dikuatkuasakan, dia baharu setahun berniaga dan menyewa premis pada kadar sewa RM2,500 sebulan.

"Akibat pelaksanaan PKP, saya rugi teruk kerana terpaksa bayar sewa tapi kedai kena tutup. Jadi dengan wang GKP, saya guna untuk tampung bayar sewa dan jadikan modal pusingan untuk berniaga secara dalam talian.

"Ekoran PKP berlanjutan, saya akhirnyaamatkan kontrak sewaan kedai kerana tak mampu untuk terus bayar sewa yang agak mahal dan fokus berniaga 'online'. Kemudian apabila banyak sektor ekonomi dibuka selepas Pelan Pemulihan Negara (PPN) dilaksanakan, saya pun buka kedai di tempat baharu," katanya.

Anrina, 24, dari Bukit Sentosa, Hulu Selangor sejak tiga bulan lalu menyewa kedai yang lebih kecil di Pasar Raya Lotus's Bukit Beruntung, Selangor dengan harga sewa RM1,500, namun untuk tiga bulan pertama kadar sewa diberi potongan kepada RM1,300.

Justeru itu, ujarnya, pelbagai pembiayaan perniagaan dan pinjaman mudah yang ditawarkan kerajaan dalam Bajet 2022 membuka peluang kepada usahawan muda seperti untuk terus mengembangkan perniagaan.

"Jualan harian kedai saya sekarang makin meningkat selepas kanak-kanak dibenarkan masuk ke pasar raya. Jadi untuk terus tingkatkan lagi jualan, saya akan mohon bantuan pembiayaan yang disediakan bawah Bajet 2022 untuk naikan lagi jualan kedai dengan tambah stok.

"Selain itu diharapkan kerajaan juga pada masa depan teruskan pemberian GKP kerana ia amat membantu pengusaha seperti kami untuk tampung modal," katanya.



12 DEC, 2021

Bantuan kerajaan pulih perniagaan

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Peruntukan MOF kembalikan keupayaan perniagaan pengusaha PMKS selepas berdepan situasi penularan Covid-19 hampir dua tahun

Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan (MOF) akan menyalurkan peruntukan berbilion ringgit untuk manfaat perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh negara dalam Bajet 2022. Peruntukan itu merangkumi pembiayaan skim kredit mikro berjumlah RM1.8 bilion. Ia turut membabitkan pemberian pinjaman mudah kira-kira RM14.

12 DEC, 2021

Kerajaan komited tangani kenaikan harga barang: Nanta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Kerajaan komited tangani kenaikan harga barang: Nanta

KPDNHEP laksana pelbagai inisiatif termasuk Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia menjelang perayaan Krismas

Oleh Watt Zacchaeus

SIBU: Kerajaan sentiasa komited dalam mencari penyelesaian terhadap situasi kenaikan harga barangan ketika ini demi kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, untuk tujuan itu, kerajaan melalui Kementerian telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif.

"KPDNHEP melaksanakan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia menjelang perayaan Krismas yang bermula 7 hingga 31 Disember 2021 di seluruh negara.

"Pada masa ini, terdapat 12 barangan yang ditetapkan harga maksimum dan akan diteliti dari semasa ke semasa dari segi bilangan item yang perlu dikawal dan harga maksimum yang ditetapkan.

"Kami juga melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia yang menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak



UNTUK RAKYAT: Nanta (tiga kanan) serta kenamaan lain ketika melancarkan Perluasan Program Segar@Malaysia Negeri Sarawak di Sibu, semalam.

masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga sehingga 20 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat," katanya.

Beliau berkata demikian semasa bercap melancarkan Perluasan Program Segar@Malaysia Negeri Sarawak yang berlangsung di Stesen Petronas Lanang Barat di sini, semalam.

Hadisama Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna) KPDNHEP Datin Roszaini Wahab, Naib Presiden (Pemasaran) Petrolim

Nasional Berhad, Petronas Ahmad Adly Alias, Pengarah Urusan, merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Dagangan Berhad (PDB) Azrul Osman Rani dan Pengarah KPDNHEP Sarawak Datuk Stanley Tan.

Nanta yang juga Ahli Parlimen Kapit berkata, kerajaan semasa Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah meluluskan peruntukan sejumlah RM100 juta untuk Program Jualan Ke-

uarga Malaysia dilaksanakan di kesemua 222 kawasan Parlimen sehingga Mac 2022.

Bercakap mengenai Program Segar@Malaysia, beliau memberitahu, PDB turut menyasarkan untuk meluaskan inisiatif ini ke 10 stesen Petronas di Sarawak pada tahun ini.

Katanya, Program Segar@Mesra telah diperkenalkan di Semenanjung Malaysia pada awal tahun ini yang menyediakan platform pemasaran produk pertanian dan segar bekuan terus daripada pengeluaran kepada pengguna di mana

12 DEC, 2021

Kerajaan komited tangani kenaikan harga barang: Nanta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3

“Pada masa ini, terdapat 12 barangan yang ditetapkan harga maksimum dan akan diteliti dari semasa ke semasa dari segi bilangan item yang perlu dikawal dan harga maksimum yang ditetapkan.”

Dato Sri Alexander Nanta Linggi
Menteri Pertanian, Industri Makanan dan Halal Sarawak

produk-produk seperti ikan, hasil ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan segar dipasarkan untuk manfaat pengguna tanpa penglibatan orang tengah.

Menurutnya, inisiatif ini dilaksanakan melalui kerjasama di antara KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta PDB dengan objektif untuk menyediakan akses yang mudah kepada pengguna untuk mendapatkan produk-produk pertanian dan segar beku.

“Usaha ini diharap dapat memberikan manfaat khususnya kepada kumpulan isi rumah B40 dan M40. Selain itu, inisiatif ini juga adalah bagi memberi ruang pasaran baharu kepada golongan petani, peternak dan nelayan untuk

memasarkan hasil pertanian terus kepada pengguna dengan harga yang berpatutan,” katanya.

Nanta berkata, sehingga kini terdapat 38 stesen Petronas di Semenanjung Malaysia yang terlibat dengan Program Segar a Mesra dengan sokongan agensi-agensi di bawah MAFI iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEK-MAT) dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAPAS).

“Bermula Disember 2021, Program Segar a Mesra diperluaskan lagi ke empat stesen Petronas di Sarawak iaitu Stesen Petronas Lanang Barat dan Stesen Petronas Lanang 2 di Sibu serta Stesen Petronas

Matang Jaya dan Stesen Petronas Astana di Kuching.

“Program Segar a Mesra di Sarawak akan menawarkan dua kategori produk iaitu Ayam Permata yang dikeluarkan oleh Syarikat Comenich Sdn Bhd dan ikan yang dibekalkan oleh Persatuan Nelayan Negeri Sarawak,” jelasnya lagi.

Perluasan program ini ke negeri Sarawak katanya adalah sesuatu yang amat dinantikan oleh rakyat Sarawak seiring dengan semangat aspirasi Keluarga Malaysia yang mementingkan inklusiviti dalam pemberian manfaat kepada rakyat.

“Selubungan dengan pelancaran ini juga, kementerian turut berasa bangga kerana dapat mencipta satu ‘branding’ bersama rakan strategik Petronas yang dinamakan Segar a Mesra yang akan menambah ‘branding’ Mesra yang sedia ada.

“Yang terpenting, ‘branding’ ini bersifat ‘rakyat-centric’ yang memberi manfaat kepada pengguna dan pengeluar (petani dan peladang) serta stesen Petronas menjadi tempat tumpuan bersepadu yang menawarkan ‘harga patut,’ tambahnya.



12 DEC, 2021

Kerajaan komited tangani kenaikan harga barang: Nanta

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

KPDNHEP laksana pelbagai inisiatif termasuk Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia menjelang perayaan Krismas

SIBU: Kerajaan sentiasa komited dalam mencari penyelesaian terhadap situasi kenaikan harga barangan ketika ini demi kesejahteraan Keluarga Malaysia. M e n t e r i Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, unrnk tujuanitu,kerajaanmelaluikementeriannya telah merangka dan melaksanakan pelbagai inisiatif.